

# FALSAFAH KERANA ALLAH

Setelah tamat rencana “Ajaran jimat cermat dalam Islam” buah pena pendeta Za‘ba yang telah tersiar di dalam majalah ini dengan bersambung-sambung. Maka sekarang Tuan Za‘ba menulis lagi berkenaan dengan maudu‘ “kerana Allah” dan falsafahnya yang kita siarkan di sini bersambung-sambung pula mudah mudahan tulisannya yang berharga ini akan menjadi panduan yang baik kepada pembaca-pembaca kita yang dihormati.P

## ERTINYA DAN FALSAFAHNYA

Perkataan “kerana Allah” itu biasa dipakai pada kerja-kerja amal kebajikan sahaja, terutama pada amal-amal kebajikan agama seperti sembahyang, puasa, zakat, Haji, Umrah dan sebagainya; dan dari situ melarat kepada perbuatan-perbuatan kebajikan yang lain seperti bersedekah, menolong-nolong orang, mengajarkan ilmu, memberi nasihat, mengarang kitab, membuat masjid dan lain-lain kerja kebajikan seperti itu. Maka pada amal-amal agama seperti sembahyang, puasa, dan lain-lainnya itu selalulah ada termasuk perkataan “kerana Allah” di dalam bacaan niat

## OLEH ZA‘BA

yang diniatkan maksudnya di dalam hati pada permulaan mengerjakan ibadat itu, iaitu dikata “Allah Ta‘āla”; dan jikalau tidak dilafazkan pun itu dengan lidah, biasanya adalah juga ia termasuk di akhir niat yang diingatkan di dalam hati sahaja itu.

Maka ertinya “kerana Allah” itu ialah segala pekerjaan ibadat dan lain-lain kerja kebajikan yang dikerjakan itu dimaksudkan khalas bersih kerana Allah-yakni semata mata kerana kerja itu baik dan tiap-tiap yang baik itu disuruh oleh Allah atau sekurang-kurang disukainya, ialah oleh sebab banyaknya dan kebajikannya dan menfaatnya, sama ada kepada diri orang yang mengerjakannya itu zahir atau batin.

Atau kepada orang lain (masyarakat), atau kepada kedua-duanya sekali. Yang demikian berertilah “kerana Allah” itu “kerana disuruh Allah, kerana taat menjunjung perintah Allah, kerana berbuat apa yang disukai Allah-pendeknya kerana menuntut keredhaan Allah, kerana wajah Tuhan yang Maha Tinggi jua. Bukan kerana apa-apa yang lain atau kerana manusia, seperti kerana berkehendakkan puji dan pandangan orang, berkehendakkan dapat kemegahan atau nama. Atau kerana berharap balas atau apa-apa keuntungan diri, dan lain-lain pendapatan bagi faedah diri sendiri yang demikian itu. Walau berkehendakkan balas pahala dan balas syurga sekalipun; dan buka pula kerana malu kepada orang, atau kerana takut kena hukum kalau tidak dikerjakan. Bukan! Melainkan (diulangi lagi) hanyalah semata-mata khalas kerana Allah-yakni kerana baiknya pekerjaan itu dan tiap-tiap yang baik tentu disuruh atau disukai oleh Allah; kerana percaya dengan yakin bahawa tiap-tiap yang disuruh atau disukai oleh Allah itu tentulah perkara baik dan mendatangkan kebajikan. Sama ada kebajikan bagi membaiki kekurangan diri sendiri atau membaiki kekurangan orang lain dalam pergaulan masyarakat. Maka serta itu pula orang yang mengerjakannya itu terasa benarnya dan baiknya yang demikian itu di dalam batin hatinya sendiri.

Demikian pula pada fahaman Melayu umum, apabila dikata “kerana Allah” maka ialah ertinya sesuatu perbuatan baik atau

kerja kebajikan yang diperbuat itu tidak berkehendakkan balas apa-apa. Atau biar ganti apa-apa. Atau upah apa-apa, di dalam dunia ini. Misalnya dikata “aku menolong engkau ini kerana Allah Ta‘ālā sahaja” yakni bukan berharap apa-apa balas daripada engkau; dan kadang-kadang kita dengar pula orang berkata: “kita member nasihat kerana Allah, dapat bala Allah pula!” -yakni diberi nasihat itu dengan tujuan baik semata-mata, tetapi orang yang dinasihatkan itu marah pula hingga jadi permusuhan dan perseteruan! Pendeknya fahaman Melayu akan perkataan “kerana Allah” itu tidaklah jauh selisihnya daripada mafhumnya yang asal dalam agama Islam.

Maka begitulah juga ertinya jika dikata “kerana Allah” pada menjauhi sebarang kerja kejahatan dan sebarang larnagan agama-tidak mahu berbuat jahat dan salah dan dosa bukan kerana takut kena hukum atau apa-apa, melainkan “kerana Allah”: yakni semata-mata sebab benda itu jahat, salah, dan keji, dan tiap-tiap perkara yang jahat. Salah dan keji itu tetaplah tiada disukai Allah, atau pun dilarangnya terus dalam agama oleh sebab tiada baiknya atau tiada patutnya, oleh sebab mudaratnya dan kejahatannya sama ada kepada diri yang mengerjekannya itu sendiri atau kepada orang lain (dalam masyarakat) atau kepada kedua-duanya yang demikian berertilah apabila tidak berbuat jahat dan dosa hanya oleh kerana perbuatan itu jahat dan dosa seperti yang tersebut itu maka adalah iaitu khlas “kerana Alla”; yakni kerana Allah tiada menyukai akan dia, kerana Allah melarang akan dia-pendeknya kerana taat akan larangan Allah, maka iaitu pada hujung-hujung kesudahan bermaknalah bersih kerana Allah, kerana memelihara jangan dimurkai Allah, kerana keredhaan dan wajah Tuhan yang Maha Tinggi. . . . . bukan kerana apa-apa yang lain daripada itu, seperti melakukan manusia, takut kena pukul, kena tangkap, kena denda, kena penjara, kena seksa neraka dan sebagainya-bukan.

Tentang tiap-tiap yang kebajikan tentu disukai oleh Allah dan tiap-tiap kerja kejahatan dibenci dan tiada

diredhai Allah itu memang nyata benarnya kepada tiap-tiap akal yang siuman dengan tidak berkehendakkan kepada apa-apa dalil lagi. Fikirlah sahaja, adakah teruk pada akal bahawa berbuat sesuatu yang kebajikan itu tidak disukai oleh Tuhan dan tidak disuruhnya, dan berbuat sesuatu yang jahat dan salah itu pula disuruhnya atau sekurang-kurang digemarinya dan tidak dilarangnya?! Adakah layak dengan ajaran Islam atau apa-apa agama jua pun jika dikatakan Tuhan melarang atau tidak menyukai manusia berbuat apa-apa yang kebajikan, dan sebaliknya Tuhan menyuruh atau menggemari mereka berbuat kerja-kerja kejahatan?! Tentulah yang demikian tidak diterima oleh akal yang waras pada tiap-tiap orang yang beriman akan Allah sebagai Tuhan yang Maha Suci daripada segala jenis sifat kekurangan. Allah Ta‘ālā memang menyuruh dan menggemari tiap-tiap kerja kebajikan walau apa jua pun, dan melarang tiada menyukai tiap-tiap kerja yang kejahatan wala apa pun pula. Ia telah menanamkan perasaan yang Ia sentiasa menggemari orang berbuat kebajikan dan tiada menggemari orang berbuat kejahatan itu di dalam tuangan tabiat manusia, dan kemudian diberi-Nya pula keterangan-keterangan dalam ajaran segala agama yang telah diutuskan-Nya kepada manusia dari awal permulaan dahulu pun.

Oleh yang demikian maka dapatlah kita mengambil fahaman daripada keterangan yang tersebut itu bahawa berbuat sesuatu kerja kebajikan kerana kebajikannya semata mata ialah ertinya berbuat baik “kerana Allah” yakni kerana disuruh atau digemari oleh Allah; dan tiada berbuat sesuatu ekerja kejahatan oleh kerana jahatnya semata mata pula ialah ertinya tiada berbuat jahat itu “kerana Allah”, yakni kerana dilarang atau tiada digemari oleh Allah.

Kita orang-orang Islam disuruh mengerjakan segala amala ibadat, segala jenis pekerjaan agama, dan segala jenis kerja kebajikan semuanya kerana Allah, bukan kerana apa-apa yang lain; dan daripad a perasaan “kerana Allah” itulah terbit buah yang baik sama ada yang mendapatkan manfaat dan

dan menolakkannya mudarat. Demikian pula kita disuruh menjauhi segala perkara yang jahat dan salah dan keji yang dilarnag oleh agama, ialah semuanya kerana Allah juga-bukan kerana apa-apa yang lain; dan daripada perasaan “kerana Allah” itulah pula terbit buah keselamatan, iaitu selamat daripada rosak binasa dan kerugian dan seksa, baik dalam dunia atau dalam akhirat.

Nabi kita (SAW) sendiri telah disuruh Tuhan berkata (*qāla inna ṣalātī wa nusukī wa mahyāya wa mamatī Allāh rabb al-‘ālamīn, lā sharīka lahu wa biḥalika umirtu wa anā awwal al-muslimīn*: al-An‘ām 162-163) ertinya: “kata olehmu, hai Muhammad, bahawasanya sembahyangku dan ibadatku dan hidupku dan matiku ialah kerana Allah atau bagi Allah Tuhan seru sekalian alam. Tiada sekutu baginya, dan itulah yang aku perintahkan, dan akulah awal-awal orang yang menerima Islam menyerah diri kepada kehendak Allah. “Lagi Satu firman Tuhan menyuruh Nabi kita beribadat kerana Allah iaitu (*Innā anzalnā ilayka al-kitāb bi al-ḥaq; fā ‘budullāh mukhliṣālahu al-dīn, ila Allāh al-dīn al-khāliṣ*: surah al-Tarmar ayat 2-3). ertinya: : Bahawasanya kamilah yang telah menurunkan kepada engkau kitab itu dengan membawa kebenaran; oleh itu beribadatlah engkau akan Allah dengan suci bersih baginya segala kerja agama. Ingat! Tidakkah agama yang suci bersih tulus ikhlas itu sememang terhak kerana Allah?” Maka kita orang-orang Islam tentulah sangat-sangat dikehendaki meniru tauladan Nabi kita ini, kerana sememang dialah ikutan kita.

Ada pun berkenaan dengan perkara “kerana Allah” pada kerja-kerja ibadat dan segala jenis kerja membuat kebajikan itu bolehlah dilihat umpamanya firman Tuhan (*wa mā umirū illa liya ‘budū Allāh mukhliṣīna lahu al-dīn khunafā’; wayuqīmū al-ṣalāt wayū’tū al-zakāt wa dhalika dīnya al-qayyimah*: surah al-Bayyinah ayat 5) ertinya: “mereka itu, iaitu orang-orang kafir dan Musyrikin, disuruh tiada lain melainkan supaya mereka beribadat akan Allah dengan suci bersih baginya keyakinan agama, dengan keadaan mengikut jalan yang benar, serta tulus

hati; dan supaya mereka mendirikan sembahyang dengan tetap member zakat; dan itulah agama yang betul dan lurus.”

Maksudnya orang-orang kafir dan Musyrikin itu disuruh beribadat akan Allah dengan kerana Allah semata-mata, jangan sekutukan Allah itu dengan tuhan-tuhan palsu seperti berhala, atau apa-apa jua benda lain yang digemari dan dipuja mereka sebagai berhala-seperti wang, kekayaan, kebesaran, kemahsyuran, nama, keuntungan, faedah diberi, kesedapan dunia, dan sebagainya. Kerana sekalian perkara yang tersebut itu apabila dijadikan dia tujuan beribadat atau berbuat apa-apa kebajikan, maka adalah ia melemahkan perasaan “kerana Allah” dan jadilah ertinya seolah-olah kita bertuhan akan benda-benda itu, bukan bertuhankan Allah. Maka yang demikian ialah daripada jenis “syarak yang khafi” iaitu menyekutukan Tuhan dengan cara tersembunyi.

Ada pun tentang menjauhi berbuat jahat dan maksiat pula maka sungguhpun tidak pernah disebut dengan tepat iaitu mesti dengan “kerana Allah” tetapi nyatalah bahawa ia termasuk sejenis daripada “ibadat” juga, dan oleh itu hendaklah membawa sifat suci bersih kerana Allah juga, bukan kerana manusia atau apa-apa yang lain. Maka apabila Tuhan berkata umpamanya (*waiyyāya fāttaqūn*: al-Baqarah 41) ertinya “dan akan Akulah sahaja kamu sekalian takut atau mesti menjaga suruh larnagan”-nyatalah iaitu bererti bahawa segala kerja menjauhi daripad aberbuat jahat itu pun termasuk mesti “dengan kerana Allah” juga; kerana perkataan “*itqā*” dan segala pecahan-pecahannya itu bukan terkhas maknanya bagi menjaga pada berbuat baik sahaja, melainkan ialah juga bagi menjaga jangan melanggar larangan atau berbuat jahat. Maka ayat-ayat yang memakai perkataan *itqā* dan dan pecahan-pecahannya itu amat banyak didapati di dalam Quran.

Tetapi marilah kita teruskan: Firman Tuhan (*Wa dharū zāhira al-ithmi wa bāṭinahu; innaladhīna yaksibūn al-ithma sayukhzwana bimā kānu yaqtarifūn*: surah al-An‘ām, 120)

ertinya: “dan jauhilah atau tinggalkanlah olehmu segala pekerjaan dosa (kerja melanggar larangan atau berbuat jahat). Yang zahirnya dan yang tersembunyinya; bahawa orang yang mengerjakan dosa melanggar larangan itu akan diberi balas jahat yang seadanya dengan perbuatannya itu. “Maka apabila seseorang menjauhi dosa dan kejahatan hanya oleh sebab iaitu dosa dan kejahatan-yakni oleh sebab iaitu larangan Allah-adalah perbuatannya enjauhinya itu “kerana Allah” tetapi jika ia menjauhinya itu kerana takut akan seksa atau balasan jahatnya sahaja, dan bukan sebab kerja itu jahat dan salah yakni dilarang Allah, maka tidaklah banyak termasuk sifat “kerana Allah” di situ: bahkan kurang darjatnya perbuatan itu, kerana iaitu bererti jika sekiranya tidak ada balasan seksa dan neraka maka bila-bila pun ia sedia akan mengerjakan atau melanggar larangan itu.!

Kedua perkara ini, iaitu perkara berbuat kebajikan dan perkara menjauhi kejahatan dan maksiat, jika tiada dasar tak ia oleh perasaan “kerana Allah”, hanya kerana tujuan yang lain daripada Allah sahaja, maka jatuhlah ertinya menyekutukan Allah walaupun pada batin sahaja. Maka sebab itulah dalam yang mula-mula disuruh kata kepada Nabi kita tadi ada ditambah perkataan (*la sharika lahu wa bidhalika umirtu*) ertinya: “tiada sekutu baginya dan itulah yang aku telah diperintahkan”. Ada pun apabila kerja-kerja berbuat kebajikan dan menjauhi kejahatan atau maksiat itu tercampur di dalamnya tujuan yang lain daripada “kerana Allah” atau tidak termasuk langsung di dalamnya perasaan “kerana Allah” itu, maka jatuhlah mutunya, dan kerap kali hilang langsung gunanya dan kebajikannya bagi pihak ruhani.

Bagaimana pun nyatalah bahawa jika seseorang Islam itu umpamanya tiada sembahyang Jumaat, hanya setelah disaman dan didenda menurut “undang-undang syariat” yang dibuat oleh kerajaan barulah ia datang sembahyang Jumaat; atau jika ia tiada berpuasa, dan setelah disaman atau didenda pula atau dipaksa

dengan apa-apa jalan yang lain barulah ia mahu berpuasa sekurang-kurang pada zahirnya; atau oleh sebab ia malu kepada orang maka iapun sembahyang dan berpuasa-maka sesungguhnya sembahyang dan puasa dan sebagainya yang dikerjakan dengan sebab-sebab demikian (iaitu sebab-sebab yang mendorong diri luar, bukan dari dalam batin hati sendiri) tidaklah sekali-kali boleh dibangsakan “kerana Allah” namanya, walau pun ada dibaca “Allah Ta‘ālā” dalam lafaz niatnya atau ada diingatkan “kerana Allah” di dalam hati waktu beniat melakukannya itu. Ibadat demikian tiadalah berguna dan tiada boleh menerbitkan sebarang hasil kebajikan sama ada pada diri orang yang mengerjakannya itu atau kepada pergaulan masyarakat ibadat demikian itu bukan “ibadat” yang sebenarnya, kerana tidak berdiri di atas asas “kerana Allah” hanya asasnya kerana manusia, kerana undang-undang atau denda, kerana paksa, kerana malu, kerana takut, kerana balasan, maka tidaklah ada harganya barang sedikit pun pada bilainya latihan ikhlas dan latihan ruhani ada pun sebabnya terjadi ada orang berkelakuan demikian berkenaan dengan ibadat atau apa-apa pun kerja kebajikan, tiadalah lain melainkan sebab tak betul cara ajaran agamanya dari awal bermula dahulu-tidak masuk semangat iman ke dalam hatinya, tiada roh agama pada ajaran yang telah diterima atau yang telah diberi kepadanya, tidak ada “isi” yang telah diperolehnya daripada pelajaran agamanya dahulu kalau ada pun belajar! hanya yang telah dapat kepadanya kulit dan kelompong yang kosong, atau soleh-solehnya halus-halus benci yang telah sambung jua.

Ini ialah pada perkara mengerjakan ibadat dan berbuat kebajikan pihak akhirat dan untuk asuhnya akhlak dan makanan ruhani. Maka sebagaimana pada sembahyang dan puasa dan lain-lain ibadat untuk akhlak dan ruhani, begitulah pula pada kerja-kerja kebajikan seperti bersedekah, menolong-nolong orang, mengajar ilmu, memberi nasihat, mengarang kitab, dan lain-lain seumpama itu. Sungguhpun kerja-kerja ini termasuk sebahagian di dalamnya tujuan jika dunia atau kebajikan dunia,

tetapi tidaklah juga berapa fedah dan jasanya bagi pihak keduniannya itu jika tidak ada perasaan tulus ikhlas dan suci bersih “kerana Allah” cuma sebagai asas dan terasnya. Bahkan terkadang hingga boleh menjadikan pihak-ihak atau sekurang-kurangnya cemik-cemik mengangkat kening pula di antara orang-orang yang melihat atau mendengar apabila tidak ikhlasnya itu. Sekianlah nilainan dari pihak dunia: apalagilah dari pihak akhiratnya dan ruhaninya!

Demikianlah falsafah “kerana Allah” pada perkara berbuat baik dalam pengajaran akhlak dan ruhani yang dibawa oleh agama Islam.

Sementara itu mustahaklah pula diingat bahawa sifat “kerana Allah” ini sebenarnya bukanlah terkhas dikehendakkan pada kerja-kerja ibadat dan berbuat kebajikan sahaja, tetapi seperti yang telah disebut tadi selayaknya dikehendaki juga pada segala usaha menjauhi jahat dan dosa dan maksiat, iaitu pun sebaik-baiknya hendaklah dengan “kerana Allah” juga -yakni kerana jahatnya dan salahnya semata-mata, dan kerana tiap-tiap yang jahat dan salah itu dilarang oleh Tuhan: jadi yang demikian itu pada hakikatnya ialah kerana taatkan larangan Allah, dan kerana tiada mahu membangkitkan kemurkaan Allah atau melayakkan diri mendapat kemurkaan itu.

Pendeknya jika dengan cara begini maka adalah menjauhi berbuat jahat dan maksiat itu sebenarnya kerana Allah- bukan kerana apa-apa yang lain daripada Allah, bukan kerana manusia seperti takut kena marah atau kena rotan oleh bapa (pada budak- budak), takut diketahui orang, takut malu, takut busuk naman, taku kena tangkap atau kena denda atau kena jel, takut dapat penyakit; bahkan bukan kerana takut kena seksa atau takutkan azab neraka pun! Melainkan (diulangi lagi) hanyalah semata-mata kerana perkerjaan itu dirasa jahat dan salah, dan oleh itu adalah dilarang Allah; kerana yakin dengan sepenuh-penuhnya bahawa tiap-tiap yang dilarang Allah itu tetaplah tidak baik, tetaplah mendatangkan kejahatan dan mudarat dan kecelaan dan buah

yang keji bagi diri sendiri, bagi maruah bagi harta benda bagi kesihatan zahir dan batin iaitu badan, akhlak dan jiwa; dan kerap kali juga membawa buah yang keji dan mudarat kepada pergaulan masyarakat pula: dan sekalian itu dirasa dalam hati sendiri bahawa sebenarnya demikian dengan tiada syak lagi.

Demikianlah pula falsafah “kerana Allah” berkenaan menjauhi perbuatan jahat dan salah dalam pengajaran akhlak dan ruhani yang didapati di dalam agama Islam.

Sebetulnya di dalam ajaran Islam tiap-tiap perbuatan (amal) yang baik ada ditentukan dan disebutkan balasnya bahagian-bahagian atau sekian-sekian sebagaimana tiap-tiap perbuatan yang jahat ada ditentukan dan disebutkan balasannya atau seksanya begini-begini dan sekian-sekian pula. Aturan begitu memanglah sebahagian daripada ketetapan undang-undang tabi‘ī yang telah ditentukan Tuhan mengikut adatnya dan sukatan takdirnya dari sedia kala. Balasan bagi perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat itu telah ditetapkannya sedia akan mendatang sendiri apabila dilakukan perbuatan baiknya atau perbuatan jahatnya itu sebagai sebab yang menerbitkan musababnya. Ketetapan demikian sememang mustahak, bukan sahaja pada undang-undang yang diatur oleh Tuhan tetapi pada undang-undang yang diatur oeh manusia pun demikian juga: kalau sekian-sekian kerjanya maka sekian-sekian gajinya atau uapahnya atau balasannya; kalau sekian-sekian kesalahannya maka sekian-sekian dendanya atau hukuman penjarnya dan sebagainya. Akan tetapi tuntutan akhlak yang tinggi adalah menghendaki manusia mesti berbuat baik bukan kerana balas itu, hanya kerana baiknya jua; dan menghendaki jangan berbuat jahat pula bukan kerana takutkan denda dan penjara dan sebagainya itu, melainkan hanya kerana jahatnya jua. Maka yang demikian itulah yang dikatakan “kerana Allah” iaitu bersih daripada tujuan kerana apa-apa yang lain daripada disuruh larangan Allah.

Sebaliknya jikalau sekiranya sekalian perbuatan baik jahat kita hanya digantungkan kepada balasan baik atau

balasan jahatnya yang ditentukan itu sahaja-yakni dengan sebab ada balasan baik itulah maka dikerjakan amal yang baik. Atau dengan sebab ada balasan denda dan seksa dan sebagainya itulah maka dijauhi amal yang jahat atau tidak dikerjakan maksiat; kalau tidak oleh sebab ada balasan itu tidaklah dikerjakan atau dijauhi masing-masingnya itu-sesungguhnya jikalau demikian, maka nyatalah maasih tersangat rendah martabatnya perasaan akhlak yang menerbitkan kelakuan demikian itu. Kerana iaitu tidak digantungkan kepada perasaan “kerana Allah” yakni bukan dikerjakan yang baik itu oleh sebab baiknya semata-mata iaitu disuruh dan diredhai Allah; dan bukan pula dijauhi yang jahat itu oleh sebab jahatnya semata-mata iaitu dilarang Allah dan dimurkainya-pendeknya bukan kerana baik dan jahat pada zat perbuatan itu sendiri, hanya kerana tamakkan balasan dan takut kena hokum sahaja!

Sebagai orang Islam kita sayogialah ingat bahawa agama kita, sambil menjinjika balasan baik bagi amal yang baik dan balasan jahat bagi amal yang jahat, adalah pula mensyaratkan bahawa tiap-tiap amal yang baik itu hendaklah dikerjakan hasilnya “kerana Allah” dan tiap-tiap kerja yang jahat pula hendaklah dijauhi khlasnya “kerana Allah” juga-bukan kerana manusia atai kerana apa-apa tujuan yang lain daripada Allah, bukan kerana hendak mendapat balas nama dan syurga dan sebagainya, dan bukan pula takutkan busuk nama dan denda dan seksa neraka dan sebagainya pula....

Dalam pada itu jika dikurnia Tuhan balasan baik, atau “kelepasan” daripada hukumannya, maka kita syukur; dan jika tiada dikurnianya pun kita syukur juga; kerana ia terlebih tahu bagaimana yang lebih patut, lebih baik dan lebih adil dilakukan kepada masing-masing hambanya.

Demikian falsafah akhlak yang tinggi dalam ajaran Islam berkenaan dengan berbuat amal kebajikan dan menjauhi amal kejahatan.

Sekianlah dahulu, dalam makalah yang kedua kelak Inshā Allāh akan diterangkan pula peri perhubungan “kerana Allah” ini dengan darjat-darjat berbuat kebajikan dan menjauhi kejahatan.

(sambungan dari muka 9)

Amerika memberikan pemerintahan sendiri kepada aorang Moro untuk menjalankan agama dengan bebasnya. Pendidikan anak-anak emereka mendapat bantuan wang daripada Amerika. Amerika telah Berjaya mendamaikan orang-orang Kristian Filipina dengan orang Moro. Tetapi satu hal yang sangat-sangat diketahui oleh Amerika ialah orang-orang Moro sangat cinta kepada tanah air mereka-Midanao dan Sulu. Hingga sekarang pulau-pulau itu masih merupakan daerah orang Muslimin Filipina.

Dalam masa pendidikan Jepun orang-orang Kristian banyak sekali dibunuh Jepun tetapi orang Moro tidak. Menurut “Filiphines China Cultural Journal”: orang Moro ialah pahlawan-pahlawan Filipina, kerana selama 377 tahun orang Sepanyol tidak berjaya mendudukkan atau mematahkan semangat mereka.

Jumlah penduduk Filipinan pada tahun 1958 ialah 19, 324, 182 di antaranya empat peratus bergama Islam iaitu sebanyak 800 000 mereka bermazhab ahli al-Sunnah dan semuanya tinggal di Midanao dan Sulu.

---

-dipetik dari Aliran Islam.

Bacalah

## **BERJIHAD PADA JALAN ALLAH**

(karangan Abū alā ‘Alī al-Mawdūdī)

Dimelayukan oleh

Ja‘far al-Bār dan ‘Abdullāh Basmeh.

Tebalnya 71 muka-harga senaskah 70 sen-pos 8 sen.

Pesan kepada penerbitnya:

QALAM PRESS LIMITED

P.O Box 3031, Singapore.